



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**25 Oktober 2018 (Khamis)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- Gilap kemahiran pelajar menerusi kokurikulum 33
- 'Kami bimbang lif terhempas' 33

**Utusan Malaysia**

- Tercapailah River of Life? 55-56

**The Star**

- No strager to green efforts 01-02



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>25 Oktober 2018 (Khamis)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Gilap kemahiran pelajar menerusi kokurikulum
Muka Surat	33

## **Gilap kemahiran pelajar menerusi kokurikulum**

54  
25/10/18  
M/S 33

PANDAN INDAH - Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pandan Indah berjaya menonjolkan kecemerlangan dari pelbagai penglibatan dan pencapaian pelajar sekolah berkenaan dalam aktiviti kokurikulum secara berterusan yang akhirnya menjadikan lebih ramai generasi muda Malaysia yang digelar 'global player'.

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Norhayati Haron berkata, guru yang berkualiti juga berjaya menggilap, mengasah potensi dan melahirkan insan-insan cemerlang secara holistik sejajar dengan hasrat mencapai enam Aspirasi Pendidikan Negara.

"Enam aspirasi itu antaranya melahirkan modal insan yang berpengetahuan, mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi, memiliki kemahiran dwibahasa, beretika dan kerohanian yang unggul, serta memiliki identiti nasional yang utuh," katanya.

Beliau berkata, pengiktirafan perlu diberikan kepada pelajar yang berjaya menggilap kemahiran luar biasa mereka dalam aktiviti kokurikulum yang disertai sama ada di peringkat zon, daerah, negeri mahupun kebangsaan dan antarabangsa.

"Kejayaan penerima anugerah ini akan dapat meneruskan kecemerlangan dalam semua bidang yang diceburi pada masa akan datang.

"Minat dan usaha serta bijak mengambil peluang akan memberikan nikmat kepuasan dalam diri anak-anak muda semua," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Anugerah Kualiti Kokurikulum SMK Pandan Indah 2018, di sini.

Majlis itu turut dihadiri Pengetua SMK Pandan Indah, Rizal Uzir dan Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru Aedi Amin Ahmad.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>25 Oktober 2018 (Khamis)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	'Kami bimbang lif terhempas'
Muka Surat	33

# 'Kami bimbang lif terhempas'

*Lif kerap rosak  
jejas rutin  
p penghuni flat  
Taman Industri*

AHMAD ISMADI ISMAIL

LEMBAH JAYA

**W**alaupun diselubungi perasaan takut, penghuni flat Taman Industri, di sini tiada pilihan dan terpaksa menggunakan lif yang kerap rosak.

Penduduk, Zainon Husin, 50, berkata, dia dan penghuni lain bimbang lif yang kerap rosak di flat mereka terhempas.

"Saya dapati hanya satu daripada tiga lif yang berfungsi sejak enam bulan lalu. Keadaan lif di sini kadangkala kesemuanya tidak berfungsi, keadaan sebegini amat menyukarkan aktiviti seharian penduduk," katanya.

Menurutnya, dia terpaksa mengambil cuti sakit apabila sering menggunakan tangga.

Zainon berkata, butang lif di beberapa tingkat didapati disimen.

Sementara itu, pesara, Mohd Idris Daud, 61, berkata, dia risau ketika menggunakan lif kerana merasai gegaran kuat.

"Saya juga simpati dengan warga emas yang berkerusi roda terpaksa tunggu lama untuk guna lif. Saya



Sebahagian penduduk terpaksa naik tangga pulang ke rumah.

bèrharap pihak berkenaan dapat baik pulih lif di bangunan yang setinggi 21 tingkat ini," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk Flat Taman Industri, Rizman Omar berkata, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan kerja-kerja membaik pulih jalan, sistem pencegahan kebakaran dan tangki air di flat berkenaan.

"Bagaimanapun, penduduk tidak pasti bila kementerian berkenaan akan mengeluarkan peruntukan untuk membaik pulih lif di sini, kami dimaklumkan peruntukan bergantung kepada bajet tahun depan," katanya.

Menurutnya, pemah berlaku kejadian, tiga lif di flat tersebut tidak berfungsi ketika kebakaran di salah sebuah

info

**Tiga lif tidak berfungsi ketika kebakaran di sebuah unit di tingkat 12**

unit di tingkat 12.

Sebelum ini, sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat membantu kakitangan sebuah hospital membawa seorang pesakit wanita berusia 24 tahun turun dari tingkat 21 kerana lif rosak.

KPKT sebelum ini meluluskan peruntukan kira-kira RM1.8 juta untuk kerja membaik pulih tiga lif dan tangki air di Flat Taman Industri di sini, tahun lalu.

Lif dibaiki boleh ditambah baik seperti memasang kamera litar tertutup, sistem kad dan anti vandalisme.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>25 Oktober 2018 (Khamis)</b>	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Tercapaikah River of Life?
Muka Surat	55-56

KHAMIS • 25.10.2018

**UTUSAN KOTA**  
*Lembah Klang,  
Negeri Sembilan,  
Melaka*

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.  
Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my

**Bekas pemain Selangor rayu bantuan**  
Fareed Shah Hassan yang menjalani dua pembedahan usus sejak tiga tahun lalu merayu bantuan bagi meringankan beban menanggung ahli keluarga.  
» BERITA DI MUKA 57

MAMPUKAH kerajaan mengembalikan kebersihan air sungai di Kuala Lumpur setanding dengan kualiti dari puncanya melalui projek RoL?

**Tercapaikah River of Life?**

**P**ROJEK Sungai Nadi Kehidupan atau River of Life (RoL) yang sedang dilaksanakan kerajaan merupakan usaha jangka panjang untuk memulihara keindahan dan mengembalikan kebersihan lapan batang sungai di Kuala Lumpur dan Selangor. Namun disebabkan tahap kesedaran masyarakat terhadap penjagaan alam sekitar masih rendah, usaha itu dilihat berdepan dengan pelbagai cabaran terutama untuk mencapai objektifnya menjelang tahun 2020. Ikuti laporan Wartawan Utusan Malaysia, **NIK HAFIZUL BAHARUDDIN** mengenai tahap kebersihan sungai-sungai utama yang mengalir di ibu kota sejak pelaksanaan RoL kira-kira tujuh tahun lalu.

**MUKA 56**

# Pencemaran di kawasan penempatan dan industri masih tidak terkawal RoL berdepan cabaran sukar

Oleh NIK HAFIZUL BAHARUDDIN  
utuskota@gmail.com

■ KUALA LUMPUR 24 OKT.

**M**ASALAH pencemaran sungai di ibu kota dan aliran utama sungai-sungai dari negeri Selangor masih tidak menampakkan kejayaan usaha kerajaan memulihkan kualiti air melalui projek River of Life (RoL) yang dimulakan sejak 2011.

Selain dicetuskan oleh faktor pembangunan dan pembuangan sisa industri, tabiat orang ramai yang mengambil jalan mudah dengan membuang sampah ke dalam sungai menjadi penghalang utama dalam pemulihan kualiti air.

Kesan yang paling ketara dapat dilihat di Sungai Gombak, Sungai Klang dan Sungai Batu yang dicemari sampah sarap seperti plastik, polisterina, botol, pakaian dan pelbagai bahan buangan domestik, sekali gus menjadikan air sungai keruh dan berkilak.

Masalah itu diakui sendiri oleh Menteri Wilayah, Khalid Abdul Samad semasa beliau turun padang untuk melihat perubahan kualiti air di Sungai Batu, Gombak baru-baru ini.

Lawatan sempena Hari Sungai Sedunia peringkat Kebangsaan 2018 itu menjejajah empat kawasan melibatkan jajaran Sungai Batu iaitu Taman Ne-



SIKAP orang ramai yang menjadikan sungai sebagai lokasi pembuangan sampah menyukarkan usaha pemuliharaan kualiti air.

geri Selangor, Empangan Batu, Kampung Nakhoda dan Loji Rawatan Air Sungai Batu.

Sepanjang lawatan ke sungai itu, Khalid meluahkan kekesalannya melihat kualiti air sungai yang semakin tercemar seolah-olah tiada usaha dilakukan untuk mengembalikan kebersihan sungai di negara ini.

"Tinjauan mendapati perubahan kualiti air yang amat ketara bermula dari kawasan hulu sungai di Taman Negeri Selangor dan sepanjang jajaran sungai terutama kawasan berpenempatan.

"Kemerostan kualiti air ini dikesan berlaku daripada kelas satu kepada kelas tiga," katanya.

Khalid berkata, setelah tujuh tahun berlalu sejak bermulanya projek RoL, usaha pembersihan sungai oleh kerajaan

dilihat seperti tidak memberi impak yang positif kerana sikap masyarakat yang masih tidak berubah.

"Tindakan mereka yang suka membuang sampah sarap, sisa makanan, sisa kilang menyukarkan usaha menukar kualiti air sungai daripada kelas tiga kepada kelas satu," katanya.

Sehubungan itu katanya, kerajaan akan memperhebatkan lagi Program Public Outreach (POP) bagi memupuk sikap bertanggungjawab dan kesedaran memelihara alam sekitar.

Projek RoL yang menelan kos melebihi RM4 bilion yang dijangka siap pada 2020 bertujuan menukar wajah dua aliran sungai utama di ibu kota iaitu Sungai Gombak dan Sungai Klang sebagai tebingan sungai yang dinamik dan berdaya huni

selain mempunyai nilai ekonomi yang tinggi.

Sebahagian daripada kerja pembersihan yang dilakukan adalah untuk memulihkan kualiti air sungai berkenaan daripada kelas tiga dan empat yang dikategorikan sebagai tidak selamat kepada kelas dua B iaitu selamat untuk sentuhan menjelang 2020.

Pelaksanaan projek berkenaan merangkumi tiga komponen utama iaitu pembersihan, pengindahan dan pembangunan tanah melibatkan lapan batang sungai sejauh 110 kilometer.

Sungai-sungai tersebut ialah Sungai Gombak, Sungai Batu, Sungai Jinjang, Sungai Keroh, Sungai Bunus, Sungai Ampang, Sungai Kerayong dan Sungai Klang.

## REAKSI



"KERAJAAN perlu tegas dalam tindakan penguatkuasaan terhadap individu atau mana-mana pihak yang melakukan kesalahan yang boleh mencemarkan sungai."

**ROSELY MASHUD**  
Peniaga



"PROJEK River of Life (RoL) tidak mungkin berjaya mencapai matlamatnya jika aktiviti pencemaran sungai masih tidak dapat dikawal dengan berkesan."

**MOHD. ALIF HAIKAL**  
Pelajar



"USAHA kerajaan dalam melaksanakan projek RoL amat penting kepada masyarakat dan generasi akan datang untuk terus mendapat sumber air bersih selain menjadikan kawasan rekreasi di ibu kota lebih menarik kepada pelancong."

**MARC SOON JOO YEE**  
Eksekutif Pemasaran

## Peratusan sungai tercemar terus meningkat

**KUALA LUMPUR 24 Okt.** - Jumlah sungai tercemar di negara ini yang direkodkan oleh Jabatan Alam Seki-

tar (JAS) meningkat daripada sembilan peratus pada 2013 kepada 11 peratus pada tahun lalu.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr A. Xavier Jayakumar berkata, peningkatan itu disebabkan oleh faktor pembangunan semakin pesat selain kesedaran masyarakat yang masih rendah dalam memelihara alam sekitar.

"Kadar pencemaran sungai paling tinggi direkodkan di Kelantan, Pahang dan juga sedikit di Kedah kerana ada

### MAKLUM BALAS

kaitan dengan pengurangan hutan dengan pembukaan kawasan baharu untuk tujuan pembalakan di negeri berkenaan.

"Selain itu, sikap masyarakat yang masih menganggap sungai sebagai tempat pembuangan sampah turut menjadi punca pencemaran dan kerosakan sungai," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Hari Sungai Sedunia peringkat Kebangsaan 2018, di sini baru-baru ini.

Yang hadir sama ialah Menteri Wilayah, Khalid Abdul Samad. Justeru kata beliau, untuk memastikan sungai diurus dengan baik dan terpelihara,



**KHALID ABDUL SAMAD**



**A. XAVIER JAYAKUMAR**

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan melaksanakan pendekatan Pengurusan Lembaga Sungai Bersepadu untuk memastikan air mencukupi, bersih, mengurangkan risiko banjir dan meningkatkan pemuliharaan alam sekitar.

"Di bawah pendekatan ini,

kesedaran awam merupakan salah satu pelan tindakan yang melibatkan masyarakat secara langsung dalam memberi impak jangka panjang kepada pemuliharaan dan pengindahan sungai.

"Bagaimana pun semua langkah rawatan dan pencegahan diambil tidak akan beri kesan jika masyarakat tidak mahu ambil peduli," katanya.

Pada majlis itu, Xavier Jayakumar dan Khalid turut melancarkan aplikasi *RoL Citizen's Eye* bagi memudahkan orang ramai

melaporkan sebarang aktiviti pencemaran sungai.

Menurut Khalid, matlamat utama aplikasi itu adalah untuk memberi kuasa kepada rakyat supaya menjadi mata dan telinga kerajaan dengan melaporkan sebarang aktiviti pencemaran selain menghebahkan program berkaitan projek RoL.

"Melalui aplikasi itu orang ramai boleh membuat laporan mengenai kualiti air, pembuangan sisa pepejal, pencemaran sungai dan sumber pencemaran kepada pihak berkuasa seperti Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, pihak berkuasa tempatan, Pejabat Tanah dan Galian Selangor serta Lembaga Urus Air Selangor," katanya.



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>25 Oktober 2018 (Khamis)</b>	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	No stranger to green efforts
Muka Surat	01-02

**Star** THURSDAY 25 OCTOBER 2018  
**Metro** GREATER KLANG VALLEY

(03) 7957 1388 ext 1706/1323/1496 (Editorial) metro@thestar.com.my (03) 7966 8388 (Advertising) (03) 7966 8200 (Classified) thestar.com.my/metro facebook.com/starmetro twitter.com/thestarmetro

**NEWS**  
MPS councillors seeking hike in allowances > 4

**FOOD**  
Savouring variety of dishes at five Indian mixed rice spots >11

**SPORT**  
Lamenting ministry's slow action against sports associations >15

# No stranger to green efforts

The environmentally-aware people of Bandar Baru Bangi are prepared to give full support to the Low Carbon City Framework programme to help local authorities meet their objectives of reducing carbon emission. >2

**Manual process:** Kajang Municipal Council workers mixing food and garden waste to be turned into compost.



A simple machine helps grind garden waste that has been mixed with food waste. (Inset) Natural enzymes help with fermentation in food waste which forms part of the composting process.

# Townsfolk ready to go green

By GRACE CHEN  
gracechen@thestar.com.my

BANDAR Baru Bangi, a township in Hulu Langat has been picked by Kajang Municipal Council (MPK) as a pilot study site for its Low Carbon City Framework (LCCF) programme.

The programme is developed by Energy, Green Technology and Water Ministry (KeTTHA) with the cooperation of Green Technology Corporation (Greentech), to assist local authorities, town planners and developers in their quest to create low carbon cities.

Bandar Baru Bangi Residents Association president Hamdi Haron said the township was ready to aid the council to meet its objectives to reduce carbon emission.

"The residents knew what recycling was as early as 10 years ago. Our association distributed flyers door to door to raise awareness on this," said Hamdi.

An owner of a restaurant himself, Hamdi said he was ready to embark on a personal campaign to convince 60 restaurant owners, on top of the 60 selected by MPK, to be part of its efforts to buy back used oil and collect food waste, both seen by the local council as crucial components to the LCCF programme.

MPK Solid Waste and Public Cleansing Management Department environmental unit head Muhammad Nazir Awang said the council took upon itself to collect food waste from these premises to be turned into compost.

The process takes place at a back lot behind the council's plant nursery in Section 13.

"We started experimenting with composting methods as early as 2015. Our source were from 10 shops in Kajang and Section 1," said Muhammad Nazir, an environmental health diploma holder from UiTM.

The composting process is run manually using bio enzymes made from natural ingredients such as brown sugar, yoghurt and *tempeh* sprayed onto ground garden waste to interact with the collected food waste.

The process is the Takakura method that uses materials to be sourced from home.

A small garden patch of mint leaves, corn, ladies' fingers and *kangkung* bears testament to the compost's efficacy.

The same 60 shops are also selling their used cooking oil at

Bandar Baru Bangi residents are used to recycling and willing to participate in pilot project, says RA



Nazir says MPK employs the Takakura method for food composting, using materials sourced from home.



Uni10 Energy operations supervisor Yahirwan Yahya shows the difference between biodiesel made from recycled cooking oil (left) and fossil diesel (right) in a burning demo. The fossil diesel gives off more black smoke.

## Amount collected from March 15 to Aug 16 (in tonnes)



**103.15**  
Food Waste



**8.73**  
Recyclable Waste (paper, plastic, aluminium cans and glass)



**5.49**  
Waste Cooking Oil

Source: MPKJ

©The Star Graphics

between RM1 and RM1.50 to Uni10 Energy, a local company appointed by the council to collect waste oil in the area.

Its operations manager Shahrul Azwa Idrif said the waste oil would be converted to biodiesel via the transesterification process.

The end product is sent to power generators in rural schools where the company is running studies on solar hybrid systems.

When the company's contract with the schools expires at the end

of the month, it will export the collected waste oil to biodiesel producing companies in Singapore and countries in Europe.

The waste oil recycling effort is seen as an important effort by the council as it wants to raise awareness on the health dangers or consuming recycled cooking oil.

"Recycled cooking oil contains the cancer-causing teroxide. Cooking oil which has been reused contains up to 10 times the safety level allowed," said Shahrul.

At the official launch of the programme at Laman Bangiku in Section 9, Bandar Baru Bangi, MPK president Mohd Sayuthi Bakar said scheduled collection for recyclables, used cooking oil and food waste has been done since March 15 for Section 9.

The area, he said, had 1,118 shop units, two shopping complexes, commercial plots and a public park.

"The result of these collections will depend on the cooperation of businesses here if we are to achieve our target of reducing carbon emissions by 2% by next year," he said.

He added that the council would plant 290 trees in the area within two years with 130 to be planted this year.

This programme will cost MPK RM278,300.

Sungai Ramal assemblyman Mazwan Johar, who was present at the launch, said demographic studies done on his constituency showed that the concerned residents were well educated and exposed.

"As such, they should have no difficulties understanding the importance of the LCC programme," said Mazwan.